

11 NOV 1998

Dewan-Usul (Sarawak)/I

DEWAN UNDANGAN NEGERI TERIMA USUL SOKONG PERDAMA MENTERI

KUCHING, 11 Nov (Bernama) -- Persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak hari ini menerima usul menyatakan sokongan terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani keadaan ekonomi sekarang.

Usul itu juga mengesali mereka yang mendesak Dr Mahathir meletakkan jawatan melalui demonstrasi jalanan.

Datuk Effendi Norwawi (BN-Dalat) yang juga pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan Sarawak mengemukakan usul itu sebaik selepas masa soaljawab kira-kira pukul 10.15 pagi.

Effendi, yang juga seorang ahli perniagaan terkenal berkata negara direstui dengan seorang pemimpin yang unggul dan amat dihormati seperti Dr Mahathir yang benar-benar komited membina negara.

"Beliau memberikan negara wawasan dan misi yang telah memberi perangsang kepada setia rakyat Malaysia," katanya.

Ini diikuti dengan perbahasan mengenai usul itu oleh 16 anggota dewan undangan negeri termasuk dua anggota DAP yang disambung selepas rehat tengah hari.

Dewan itu kemudian meluluskan usul berkenaan dengan semua anggota Dewan Barisan Nasional yang hadir, menyokong dan dua anggota DAP membantah.

Wong Ho Leng (DAP-Bukit Assek) semasa membantah usul itu tidak setuju dengan notis terhad yang diberikan bagi pembentangan dan perbahasan usul itu.

Seorang lagi anggota pembangkang Jason Wong Sing Nang (DAP-Pelawan) berkata parti itu tidak merestui keganasan di jalan tetapi menggesa kerajaan memberikan peluang kepada mereka menyatakan pendapat secara aman.

Semasa bercakap kepada pemberita kemudian, Effendi berkata beliau akan mengemukakan resolusi itu sendiri kepada Dr Mahathir di Kuala Lumpur esok.

-- BERNAMA

OPP RON